

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: Unit Komunikasi Korporat
Sent: Thursday, March 14, 2019 8:19 AM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Prof. Dr. Zulikha Mahu Bantu Anak Disleksia Di Seluruh Dunia



14 MAC 2019 / 07 REJAB 1440H

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Siti Fatimah Abdullah
Gambar oleh: Seksyen Media

PROF. DR. ZULIKHA MAHU BANTU ANAK DISLEKSIA DI SELURUH DUNIA



UUM ONLINE: "Setiap anak disleksia sangat berbeza antara satu lain, memiliki pelbagai kelebihan dan kelemahan yang memerlukan kesabaran yang tinggi apabila berhadapan dengan anak-anak istimewa ini.

"Saya kutip semangat dan inspirasi dari anak-anak disleksia yang terlibat dalam kajian dari situ saya dapati mereka mempunyai potensi yang hebat jika digilap dan ditempatkan pada saluran yang sesuai dengan kelebihan mereka," kata Prof. Dr. Zulikha Jamaludin yang mencipta produk inovasi yang dikenali sebagai Papan Sintok kepada murid disleksia yang baru belajar untuk mengenal huruf dan mengeja menggunakan papan, warna latar dan font yang sesuai.

Papan Sintok telah digunakan dalam Pengajaran dan pembelajaran (PdP) murid disleksia di Inkubator Disleksia, SOC selain ibu bapa dan guru yang telah membelinya untuk menggunakannya dalam PdP mereka.

“Semuanya bermula apabila melakukan kajian terhadap kanak-kanak disleksia termasuk anak saya sendiri dan itu antara faktor yang mendorong saya menjiwai dan berinovasi untuk membantu golongan senasib,” kongsinya.

Jelasnya, reka bentuk visual Papan Sintok mematuhi garis panduan reka bentuk visual daripada kajian literatur. Model pengguna dihasilkan menggunakan kaedah personifikasi anak-anak disleksia bagi mendapatkan keperluan pengguna.

“Bentuk huruf a hingga z boleh dirasai sendiri oleh murid apabila memegang setiap blok huruf. Ini berbeza dengan kad huruf yang tidak mempunyai bentuk huruf yang boleh dicam melalui sentuhan.

“Kami bermula dengan kajian terhadap jenis fon diikuti warna, kerangka teori, model dan prototaip. Lima versi prototaip telah diuji cuba dengan pelbagai bahan seperti papan kayu, papan plastik, papan gabus, papan foam, dan softboard sebelum cubaan menggunakan akrilik yang mengeluarkan bunyi pelatuk apabila huruf disusun,” ujarnya.

Bermula dari tahun 2007 sehingga kini, anak kelahiran Kelantan ini bergiat aktif dalam penyelidikan berkenaan teknologi dan alat bantu terbaik kepada murid disleksia, tentunya sepanjang perjalanan ini pelbagai cabaran ditempuhi.

Pengalaman datang dari pelbagai sudut seperti pengalaman R&D, penulisan beberapa buah buku ilmiah yang khusus kepada murid disleksia dan ibu bapa. Perjalanannya mencabar tapi perlu sabar dan passion yang tinggi.

“Satu perjalanan yang memberi pengalaman berharga, ilmu kemahiran, bersahabat dengan ibu bapa dan guru yang hebat yang tidak pernah jemu dalam mendidik anak ini,” luahnya yang menjadikan usaha, doa, ikhlas dan berserah secara total kepada-Nya sebagai pegangan hidup.

Produk ini didaftarkan mengikut hak paten daripada Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO) pada tahun 2018 sekali gus melindungi hak cipta jenama itu mengikut undang-undang.

Lebih membanggakan, produk ini telah dipatenkan bagi tujuan memelihara kualiti selain memenangi anugerah emas antarabangsa International Malaysia-Indonesia-Thailand Symposium on Innovation and Creativity (IMIT-SIC), di Riau, Indonesia.

Hasil ciptaan beliau bersama Dr. Husniza Husni turut memenangi Anugerah Perekacipta Terbaik dan Anugerah Inovasi Sosial menerusi projek, An Alphabet Board For Dyslexic Children sekali gus membawa pulang wang RM1,000, Geran RM5,000 sempena Hari Inovasi & Majlis Penganugerahan Universiti (HIMPU 2019), baru-baru ini.

“Anugerah ini merupakan bonus kepada minat dan segala usaha ke arah membantu murid disleksia, guru dan ibu bapa yang menghadapi cabaran dalam Pengajaran dan pembelajaran (PdP) selain memberi semangat meneruskan usaha menyumbang dalam pelbagai aspek demi kelangsungan pendidikan murid berkeperluan khas,” ujarnya.

Manakala Dr. Husniza pula berkata, berteraskan teori core-affect, alat praktikal ini menyokong pembelajaran dengan kaedah multisensori yang boleh mengimbangi kesukaran kanak-kanak dalam proses pembelajaran.

Saiz blok huruf tinggi 5.5cm, lebar 3.5 cm dan ketebalan 5 mm yang dihasilkan ini merupakan saiz yang paling sesuai pada jari kecil kanak-kanak.

“Bentuk huruf boleh dikenali melalui sentuhan, dibezakan warna dan mengeluarkan bunyi ‘pelatuk’ apabila disusun ke tempatnya.

“Ketika mengajar mereka membaca, harus dilakukan dalam keadaan anak-anak berasa mereka sedang bermain-main tanpa menyedari bahawa mereka sebenarnya sedang belajar mengeja, membaca dan menulis,” tambahnya.

Dengan laras bentuk berbingkai nipis di atas dan tebal di bawah sangat membantu anak-anak disleksia untuk membaca dengan lebih mudah malah setiap huruf tidak menyerupai huruf lain jika diterbalikkan misalnya b-d, p-q, h-n dan w-m.

Beliau menyifatkan Papan Sintok sebagai satu sumbangan kecil namun teruja menerima maklum balas positif rakan-rakan apabila anak mereka sudah pandai mengeja, membaca dan tidak lagi bergantung pada Papan Sintok.

“Besarlah harapan kami untuk membantu anak disleksia belajar membaca dengan lebih baik dan lebih ramai mendapat manfaat termasuk kanak-kanak normal yang lain,” ujarnya yang menyimpan impian untuk membantu anak disleksia ke seluruh dunia.

Bagi yang berminat untuk mendapatkan info lanjut mengenai Papan Sintok bolehlah menghubungi talian 012-504 4201 atau e-mel zulie@uum.edu.my



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.